

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HGF 327 - Iklim dan Cuaca

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN (8) SOALAN DI DALAM DUA HALAMAN.

Jawab EMPAT (4) soalan.

1. (a) Jelaskan faktor-faktor yang bertanggungjawab kepada fenomena perubahan iklim global yang dijangkakan akan berlaku pada pertengahan abad ke-21.
(10 markah)
- (b) Bincangkan bagaimana unsur-unsur iklim global akan berubah akibat fenomena tersebut.
(15 markah)
2. Bahaskan sejauhmana iklim mikro telah dipengaruhi oleh fenomena semula jadi dan aktiviti manusia.
(25 markah)
3. (a) Dengan menggunakan gambarajah yang sesuai, jelaskan istilah "Iklim Hidro".
(10 markah)
- (b) Huraikan kepentingan "Kitaran Hidrologi" terhadap berbagai aspek cuaca dan iklim.
(15 markah)

.../2

4. Kelaskan berbagai unsur cuaca yang dihasilkan oleh proses pemeluwapan dan bincangkan bagaimana unsur-unsur tersebut dapat mempengaruhi geografi fizikal dan manusia.

(25 markah)

5. Dengan merujuk kepada penyesuaian terhadap cuaca dan iklim, bandingkan bagaimana seni bina bangunan di Malaysia berbeza daripada yang terdapat di Alaska.

(25 markah)

6. Bincangkan bagaimana bencana Ribut Tropika Greg yang melanda Sabah pada bulan Disember 1996 dapat ditafsirkan sebagai interaksi di antara sistem semula jadi dan sistem penggunaan manusia.

(25 markah)

7. Dengan berasaskan kepada kawasan tropika, bincangkan bagaimana lembapan dapat mempengaruhi tumbesaran tumbuhan dan tanaman.

(25 markah)

8. Berdasarkan konsep "sistem", huraikan bagaimana sistem bumi, atmosfera dan bumi-atmosfera mencapai keseimbangan daripada segi taburan tenaga.

(25 markah)